



10 APR, 2020

## Tangani isu petani alami kerugian

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

# Tangani isu petani alami kerugian

.....  
ALEXANDRA LORNA

**KUCHING:** Kerajaan Sarawak mengakui hakikat bahawa, penularan pandemik Covid-19 dan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) para petani dan nelayan di negeri ini menghadapi masalah dalam menjual hasil dan tangkapan mereka.

Timbalan Ketua Menteri, Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata, hal ini telah memberi kesan negatif kepada pendapatan mereka. "Oleh itu, Kerajaan Sarawak menerusi Jabatan Pertanian Negeri, telah tampil ke hadapan untuk menangani isu ini.

"Kerajaan Sarawak telah memperuntukkan sejumlah RM1.5 juta kepada Pertu-

buhan Peladang Negeri untuk membeli hasil daripada petani dan pekebun kecil.

"Jumlah ini akan disalurkan ke semua kawasan pertubuhan peladang di seluruh negeri," jelasnya dalam satu kenyataan, semalam.

Sejumlah RM200,000 telah diperuntukkan kepada pejabat FAMA (Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan) di seluruh negeri untuk membeli hasil yang dikeluarkan oleh petani dan menganjurkan pasar tani, kata Uggah.

Uggah yang juga Menteri Pemodenan Pertanian, Tanah Asli dan Pembangunan Wilayah menggesa para petani untuk berurusan dengan kedua-dua organisasi tersebut untuk menjual hasil



**PARA** petani dari Rh Banta di Kubal Bati, Betong menunjukkan hasil tuaian nanas mereka yang dijual kepada Pertubuhan Peladang Saribas.

mereka.

Selepas itu, organisasi ini akan membawa hasil dan

tangkapan mereka ke pasaran.

"Sebenarnya petani dan

nelayan di Betong, Samarahan, Meradong, Sibulim, Limbang, Bintulu dan Miri

antara lain telah melakukan perkara seperti ini.

"Jadi sila hubungi pertanian terdekat dan pejabat FAMA.

"Begitu juga, bagi nelayan, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM600,000 kepada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia untuk membeli tangkapan mereka.

"Inisiatif di atas jelas menunjukkan Kerajaan Sarawak sangat prihatin terhadap kebajikan kedua-dua kumpulan ini," kata Uggah.

Uggah menambah, petani dan nelayan merupakan pihak yang sangat penting dalam rantaian makanan dan dengan itu kerajaan akan datang dengan penyelesaian ini untuk mereka.



10 APR, 2020

## Tangani isu petani alami kerugian

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

KUCHING: Kerajaan Sarawak mengakui hakikat bahawa, penularan pandemik Covid-19 dan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) para petani dan nelayan di negeri ini menghadapi masalah dalam menjual hasil dan tangkapan mereka. Timbalan Ketua Menteri, Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata, hal ini telah memberi kesan negatif kepada pendapatan mereka. "Oleh itu, Kerajaan Sarawak menerusi Jabatan Pertanian Negeri, telah tampil ke hadapan untuk menangani isu ini." Kerajaan Sarawak telah memperuntukkan sejumlah RM1.